

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bangladesh's Nobel Peace Prize winner to speak on social business	The Star
2.	MyTrace bantu industri durian	Utusan Malaysia
3.	Teknologi elak sebarang penipuan	Utusan Malaysia
4.	Ringkasan MI-Trace	Utusan Malaysia
5.	SMK Labuan Juara NSC 2016	KOSMO
6.	Galak pelajar sertai bidang STEM	KOSMO
7.	Jangan mengalah pada getir hidup	Utusan Malaysia

Bangladesh's Nobel Peace Prize winner to speak on social business

IPOH: Bangladesh's Nobel Peace Prize winner Prof Muhammad Yunus will be among those speaking at the three-day Pangkor International Development Dialogue (PIDD) beginning today.

Muhammad Yunus, in his keynote address, will speak on social businesses, how it can be the tool to narrow income gaps as well as to address poverty and unemployment.

"Every country and state should achieve three zeroes – zero poverty, zero unemployment and zero carbon emission.

"And all this can be done through social businesses," said the founder of the Grameen Bank and Yunus Centre when met at a pre-event here yesterday.

He said he was thrilled to be speaking at PIDD for the first time.

"It's a very good initiative especially as it involves young people.

"Already, social business has got some roots in Malaysia. Its citizens are becoming active in solving their problems rather than relying on the Government alone," he added.

Other notable speakers include Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau, India's Bharatiya Janata Party information technology national head Arvind Gupta, top leadership guru Arthur Carmazzi, and United Nations Resident Coordinator for Malaysia, Michelle Gyles-McDonnough.

The dialogue will be opened by Perak Mentri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Earlier when addressing the first-ever SEHATI event organised by the Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) at the dialogue, Dr Zambry told its participants that he wanted to see more Perakians involved in business.

"Perak has the talent. In fact, we have the best. We just need to look for the potential in each of us and never feel inferior to others. Never compare yourself with others for what they have.

"I came from a very poor family, a very hopeless situation. Like my father, I, too, was a fisherman.

"But I believed in myself. I looked within myself and searched for my best potential to overcome poverty," said Dr Zambry.

MYTRACE BANTU INDUSTRI DURIAN

MUSIM durian tahun ini mungkin telah sampai ke penghujungnya tetapi pastinya akan datang lagi.

Raja buah ini begitu popular sehinggakan dalam lambakan yang amat banyak, harga masih kekal bertahan satu ketika. Mungkin tidak bagi semua varieti ini tetapi jolokan Raja Buah benar-benar layak diterimanya.

Malaysia mungkin boleh berbangga kerana memiliki 'permata' ini kerana bukan sahaja memberi nilai dari sudut ekonomi tetapi juga sosial. Manakan tidak, penggemar durian merentas semua sempadan bangsa dan agama serta kelas sosial.

Yang mempunyai wang lebih boleh mendapat varieti yang lebih baik D24 dan Musang King. Durian kampung juga tidak kurang hebatnya kerana penggemarnya tetap ada.

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



Malah jika tidak berlaku cuaca di luar kebiasaan, Malaysia tidak akan keputusan bekalan durian setiap tahun, sekurang-kurangnya daripada pengeluaran sendiri.

Sementara itu Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), **Datuk Ahmad Ishak** berkata, pengeluaran durian di Malaysia berjumlah 300,000 tan metrik setahun dan 10 peratus daripadanya adalah durian premium seperti Musang King dan D24.

Durian bukan sahaja memberi impak dari aspek sosial tetapi ia menjadi satu komoditi eksport yang menguntungkan. Bukan rahsia lagi, aroma durian Malaysia telah sampai ke negara China sejak beberapa tahun lepas.

Durian menjadi duta kecil dan jurubicara diplomatik membawa nama Malaysia ke negara Tembok Besar itu.

Mudah kata, sebagai contoh jika ginseng membawa nama Korea, sakura membawa nama Jepun, durian sepatutnya membawa nama Malaysia ke merata dunia termasuk ke China yang dibawa masuk dalam bentuk sejuk beku.

Namun, di sebalik semua itu, apakah jaminan bahawa durian Malaysia yang ke pasaran luar negara, benar-benar datang dari negara ini? Isunya adalah bagaimana menentusahkan dan mengesan asal usulnya. Proses ini dikenali sebagai kebolehejekan (*traceability*).

Ada kebimbangan akan berlaku masalah penipuan dan bagaimana pengesanan ketulenan durian. Ini kerana bukan Malaysia sahaja yang menjadi pengeluar durian. Jika silap langkah, ada pihak yang



MADIUS TANGAU (kiri) menunjukkan kod bar MyTrace, sambil di perhatikan oleh Omar Kasih (tengah) dan Abdul Wahab Abdullah di Kuala Lumpur baru ini.

menangguk di air keruh bahawa durian yang berkualiti datang dari negara mereka, walhal mungkin adalah sebaliknya.

Malaysia perlu bertindak cepat bagi mendepani isu lembu punya susu, sapi dapat nama atau kemungkinan durian tidak berkualiti dikatakan datang dari Malaysia.

Seperti kata Presiden Sementara Persatuan Pengeksport Durian Malaysia

(MDEA), **Datuk Paul Mak**, pihaknya mula mengeksport isi durian sejuk beku Musang King ke China bermula sejak 2011 dengan anggaran antara 10 hingga 20 kontena sekali penghantaran bernilai RM30 juta.

"Pasaran durian di China agak besar (tetapi) kita hanya mampu membekalkan kurang satu peratus daripadanya," ujar beliau.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

Teknologi elak sebarang penipuan

PENGELUAR durian berdepan kemungkinan isu durian siapa lebih berkualiti atau sebaliknya. Ini mendedahkan kepada masalah penipuan oleh pengeksport negara lain yang tidak bertanggungjawab memanipulasi isu tersebut.

Kini isu tersebut boleh diatasi dengan kejayaan sebuah syarikat tempatan membangunkan teknologi penjejakan bagi memudahkan dikesan datang sama ada dari Malaysia atau sebaliknya atau negara lain.

Teknologi tersebut yang dikenali sebagai Mi-Trace dan dipasarkan dengan jenama **MyTrace**, dibangunkan oleh **Mimos Berhad** serta dikomersialkan oleh

MyTracebility Sdn. Bhd. (MTSB). Teknologi tersebut membantu pengeksport durian premium khususnya Musang King memastikan kesahihannya di pasaran negara berkenaan dapat dikenal pasti sekali gus mengelakkan sebarang penipuan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Madius Tangu berkata, kejayaan membangunkan teknologi penjejakan dan pengesanan itu akan dapat meningkatkan nilai tambah durian tempatan khususnya Musang King yang harganya mencecah RM110 di pasaran negara berkenaan ketika ini.



MADIUS TANGAU (dua dari kanan) bersama **Omar Kaseh** menyaksikan pertukaran dokumen antara **Abdul Wahab Abdullah** (kanan) dan **Muhamad Zakaria** pada pelancaran **MyTrace Untuk Pengeksportan Durian Malaysia ke China** di ibu negara baru-baru ini.

“Yang lebih penting, kejayaan ini membuktikan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Mimos, Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Pertanian, FAMA dan Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) menerusi NBOS (Strategi Lautan Biro Kebangsaan) telah berjaya,” katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa melancarkan Sistem **MyTrace Untuk Pengeksportan Durian Malaysia Ke China** dan menyaksikan pertukaran dokumen

memorandum persefahaman (MoU) antara MTSB dan enam syarikat pengeksport durian tempatan di ibu negara baru-baru ini.



IR. ADNAN GHAZALI

Yang turut hadir Pengerusi Mimos, Datuk Omar Kaseh; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah; Datuk Ahmad Ishak; dan Pengarah Urusan MTSB, Ir. Adnan Ghazali.

Madius berkata, pembangunan **MyTrace** memerlukan kerjasama pelbagai pihak yang pakar dalam teknologi

berkaitan seperti Mimos, Jabatan Pertanian yang memantau pengeluaran durian di ladang dan memanfaatkan kepakaran NIBM dalam penghasilan penanda asid deoksiribonukleik (DNA) untuk varieti Musang King.

Sementara itu menurut Ir. Adnan, sistem yang menggabungkan teknologi *Internet of things (IoT)* dan *Big Data Analysis*, membolehkan penggunaannya memanfaatkan teknologi pengesanan menggunakan imbasan Kod QR bagi mengetahui butiran produk yang dijual.

Kajian awal pembangunan bermula pada hujung 2010 melibatkan keperluan kepada kebolehejekan produk sektor pertanian dan boleh dimanfaatkan untuk pelbagai kegunaan pensijilan dan pengesanan produk lain.

Dalam pada itu, enam syarikat pengeksport durian tempatan, iaitu Desaria, Dulai, Citra Evolusi, Herna Corporation, ARTM dan Top Fruits bersetuju menggunakan sistem tersebut menerusi MoU yang dimeterai bersama MTSB sebagai pembekal teknologi.



FAEDAH TEKNOLOGI

Impak utama Mi-Trace:

- Penambahbaikan di semua peringkat
- Keseluruhan data data pintar Mi-Trace boleh digunakan untuk membantu operasi dan penjualan secara berkesan dengan menekankan kepada parameter utama seperti asal-usul produk, keberkesanan jualan outlet dan jualan terbaik barangan outlet.
- Memenuhi keperluan regulatori
- Pemantauan dan kawalan aliran produk menerusi rantaian bekalan menggunakan piawaian rantai bekalan global (GS1) enggan menggalakkan mekanisme penguatkuasaan
- Keyakinan dan kebolehppercayaan terhadap produk
- Pengguna mempunyai kebebasan memilih untuk membeli produk dengan maklumat yang telus.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)




**RINGKASAN
MI-TRACE**

MIMOS Mi-Trace merupakan platform kebolehejeakan pintar yang boleh menjejak dan mengesan produk atau barang dagangan yang didaftarkan dalam sistem menggunakan maklumat bersepadu daripada pelbagai pihak.

Platform Mi-Trace menyasarkan tiga pengguna utama iaitu:

- Pihak berkuasa
- Pemilik produk
- Pengusaha bagi membekalkan maklumat yang telus untuk membangunkan rangkaian perniagaan yang baik dan memenuhi peraturan.



CIRI-CIRI MI-TRACE

1 Jejak dan kesan
Pengguna boleh memeriksa ketulenan produk dengan mengakses kepada maklumat asal berkaitan pensijilan dan status kesahihan. Pihak berkuasa juga boleh memantau pergerakan produk kesihatan dan status sebelum sampai ke destinasi.

2 Status
Amaran sistem Mi-Trace membantu pengguna menukar status produk:

- Yang ditimbulkan oleh penguatkuasa dan sebarang kesan-kesan luar biasa.
- Pembangunan Mi-Trace sebagai pusat rujukan yang boleh membantu mengekalkan kredibiliti dengan maklumat yang sesuai.

3 Penyebaran maklumat
Pihak berkuasa dan pemilik boleh membuat langkah-langkah yang betul dengan menyebarkan maklumat tepat dan tepat secara pantas kepada pihak yang terlibat dalam rantai bekalan.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

GENK
EKSPRESI GENERASI KOSMO!

Kosmo! • ISNIN 5 SEPTEMBER 2016

Ikuti kami di Kosmo Online

National Science Challenge 2016

GRAND PRIZE
Study Visit to Stockholm, Sweden

JST MOSTI AKADEMI SAINS ExxonMobil

SMK Labuan
Juara NSC 2016

> Lihat muka 30 & 31

KERATAN AKHBAR
KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

KOSMO! ISNIN 5 SEPTEMBER 2016

30

GENK
EKSPRESI GENERASI KOSMO!

Oleh **AMIRUL AKMAL REDZWAN**
Foto **SHAIFUDIN MOHD. NOR**



BARISAN juri profesional yang mengadili para peserta NSC 2016.



DARI kiri: Pasukan SMK Labuan yang diwakili Yong Li, Ren Wei, Hui Taou dan guru pengiring, Nur Farhanah.


SMK Labuan muncul juara pertandingan National Science Challenge 2016 selepas menewaskan tiga sekolah lain pada peringkat akhir di UKM, Bangi, Selangor baru-baru ini.

KEJAYAAN Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan muncul juara National Science Challenge atau Cabaran Sains Kebangsaan (NSC) 2016 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor baru-baru ini suatu pencapaian yang membanggakan.

Sekolah berkenaan yang diwakili oleh Kok Hui Taou, Tan Yong Li, dan Eleana Kang Ren Wei, masing-masing berusia 16 tahun tidak dapat menyembunyikan perasaan gembira selepas menewaskan tiga sekolah lain pada peringkat akhir.

Tempat kedua hingga keempat, masing-masing dimenangi oleh Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Langkawi, Kedah dan MRSM Tun Abdul Razak, Pahang dan Sekolah

PARA peserta diuji pelbagai soalan sukar dan penyelesaian masalah.



Harungi cabaran selama 10 hari untuk ke peringkat akhir

Menengah Sains (SMS) Sultan Mahmud, Terengganu.

Bagi Hui Taou, pasukannya tidak menyangka diumumkan sebagai pemenang selepas 10 hari melalui pelbagai cabaran di NSC.

"Pada peringkat awal, kami bersaing dengan 15 pasukan yang dianggotai 45 peserta sebelum empat pasukan layak ke peringkat akhir.

"Pada peringkat akhir, kami perlu menunjukkan kepintaran dalam menyelesaikan masalah, menjawab kuiz dan soalan secara langsung," kongsiya ketika ditemui bual *Kosmo!* baru-baru ini.

NSC disokong oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pelajaran.

Menyasarkan pelajar bidang sains seluruh negara, pertandingan berkenaan bertujuan untuk mempromosikan serta

meningkatkan minat terhadap sains teknologi dan inovasi dalam kalangan pelajar.

NSC juga merupakan platform bagi para pelajar sekolah aliran sains untuk menguji kecekapan dan minda tentang ilmu sains dan matematik.

Diuji

Kesemua peserta diuji dalam kaedah penyelidikan, kerja berkumpulan dengan menjalankan projek penyelidikan dan penggunaan skil pemikiran kritikal serta analitikal.

Modul bagi kem berkenaan pula disediakan oleh Young Scientists Network Malaysia dengan seliaan mentor.

Jelas Hui Taou, antara cabaran yang mereka lalui ialah kuiz dan projek sains, metodologi penyelidikan, penghasilan aplikasi serta perlumbaan kembara yang



HUI TAOU



YONG LI

National Science Challenge 2016

GRAND FINAL

9-18 AUGUST 2016

DEWAN CANSELO



KERATAN AKHBAR KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 31 TARIKH : 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

INFO National Science Challenge 2016

- Lokasi: Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Tarikh: 9 hingga 18 Ogos 2016
- Laman web: www.nsc.my
- Merupakan pertandingan utama dalam bidang sains bagi pelajar aliran sains tingkatan empat
- Penganjurannya telah masuk kali ke-28
- Dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia dan Young Scientist Network serta kerjasama dengan Subsidiari ExxonMobil
- Disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Pendidikan



PARA pemenang bergambar pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah NSC di UKM Bangi, Selangor baru-baru ini.

mengetahui kimia, biologi dan fizik.

Dalam pada itu, Yong Li berkata, pasukannya tidak rasa terganggu dengan kehebatan lawan.

"Kami hanya menumpukan kepada setiap tugas yang diberikan kepada pasukan kami," ujarnya.

Saringan awal

Seperti tahun-tahun lepas, NSC berjaya menarik minat lebih 1,000 buah sekolah di seluruh negara untuk berentap pada peringkat saringan awal yang berbentuk kuiz dalam talian.

Semua sekolah boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dengan setiap kumpulan perlu diwakili seorang guru mentor dan tiga pelajar.

Lima kumpulan terbaik dari setiap negeri akan berentap bagi memilih kumpulan terbaik untuk ke peringkat kebangsaan.

Menurut Ren Wei, guru mentornya, Nur Farhanah



JUARA NSC 2016 akan dibawa menyaksikan Majlis Anugerah Hadiah Nobel di Stockholm, Sweden. - Gambar hiasan

Mohamed Ibrahim, 28, merupakan antara insan yang penting dalam membantu mereka muncul juara dalam pertandingan NSC itu.

"Cikgu Farhanah banyak membantu dan memberi kami dorongan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Dia juga pembakar semangat untuk kami terus berjuang sehingga layak ke peringkat akhir.

"Kini, kami gembira dan tidak sabar untuk merasai hadiah kemenangan yang melayakkan kami ke Stockholm, Sweden bagi

menyaksikan Majlis Anugerah Hadiah Nobel di sana," katanya yang juga membawa pulang i-Pad Mini dan sijil penyertaan selain Trofi Cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Tambah Ren Wei, dia mengakui ada juga berasa sedikit tertekan untuk menyelesaikan setiap tugas.

"Semangat berpasukan dan tolong-menolong membantu kami menyelesaikan setiap tugas," ujarnya.

Dalam pada itu, Nur Farhanah memberitahu, para pelajarnya mempunyai

potensi cemerlang dalam pelajaran dan minat yang tinggi dalam pembelajaran sains di sekolah.

Aplikasi

"Mereka bertiga menunjukkan prestasi yang baik dan mendapat markah tertinggi sewaktu saringan awal dahulu ketika pemilihan ke peringkat kebangsaan.

"Saya juga berbangga kerana mereka boleh berdikari dan mencari maklumat mengenai soalan dan subjek sains yang mereka tidak fahami," katanya yang juga mengajar subjek Fizik di sekolah.

Menerusi pertandingan tersebut, pelajarnya menghasilkan satu kertas kerja berkaitan aplikasi mesra alam iaitu Bay Planet. Ia mendapat perhatian para juri profesional.

"Kemudahan teknologi dan maklumat pada hari ini amat membantu mereka dalam menghasilkan cadangan aplikasi tersebut," ujarnya.



REN WEI



NUR FARHANAH

KERATAN AKHBAR
KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

Galak pelajar sertai bidang STEM

PENYELIDIKAN dalam bidang sains menghasilkan banyak penciptaan dan penemuan baharu untuk kegunaan manusia menjalani kehidupan seharian dengan lebih mudah, cepat dan selesa.

Menurut Ketua Juri **National Science Challenge (NSC)**, Prof. Emeritus Datuk Dr. Muhammad Yahaya, bagi memupuk minat sains dalam kalangan generasi muda, ia perlu dilakukan di bangku sekolah lagi.

"Melalui pertandingan seperti NSC ini, bidang sains

dan teknologi boleh menjadi satu perkara yang menyeronokkan dan menarik minat para pelajar menyertainya.

"Malah, dengan melakukan beberapa eksperimen dan menguji minda menjawab soalan serta kuiz, ia secara tidak langsung dapat menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan para pelajar," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi



MUHAMMAD
YAHAYA

Subsidiari ExxonMobil Malaysia (ExxonMobil), See Kok Yew berkata, sokongan ExxonMobil kepada NSC sebagai sebahagian daripada pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan terutama dalam pendidikan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Dengan menyokong program STEM, kami berharap untuk memberi inspirasi dan menggalakkan lebih ramai

pelajar menyertai kerjaya dalam bidang ini.

"Di negara membangun, profesional STEM amat diperlukan untuk menyelesaikan masalah berkaitan pembangunan dan menghadapi pelbagai cabaran pada masa akan datang," katanya.

Tambahnya lagi, beliau berharap sumbangan jangka panjang tersebut akan membantu Malaysia dalam mencipta generasi baharu saintis, penyelidik, jurutera dan pereka yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Jangan mengalah pada getir hidup

KETUA Pengarah Iabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), Datuk Fadilah Baharin, 55, merupakan antara

saintis wanita terawal negara. Beliau juga wanita pertama yang dilantik mewakili Malaysia dalam Majlis Tertinggi International Organization for Standardization (ISO Council) bagi sesi 2013 hingga 2015.

Dilantik menjadi Pengarah di jabatan itu sejak 2000 sehingga 2006 dan menyambung tugas seterusnya sebagai ketua pengarah sehingga kini.

Namun, ketika berada di puncak kejayaan, beliau melalui cabaran hidup yang getir apabila disahkan menghidap kanser payudara pada 2008.

Malah, ketika menempuh saat sukar melalui proses menjalani rawatan pemulihan, ditakdirkan suaminya pula meninggal dunia setahun kemudian. Beliau turut kehilangan seorang kakak dan adik yang pergi menghadap ilahi pada tahun yang sama.

Pernah berputus asa dan ingin meninggalkan bidang sains yang menjadi kerjayanya sejak beberapa dekad lalu, Fadilah bangkit melawan rasa takut dan sedih, demi empat anaknya dan lima anak kakaknya yang dijaga. Iktu perkongsian bersama wanita tabah itu.

Perjalanan Datuk dalam kerjaya tidak terlalu sukar, namun ujian hidup yang dilalui sangat getir. Boleh Datuk ceritakan bagaimana melalui saat-saat itu?

FADILAH: Bukan mudah dan saya hampir kecewa dengan dugaan yang ditakdirkan sehingga saya menghantar surat peletakan jawatan. Di saat saya memerlukan sokongan keluarga,

sila jawab

Oleh SITI AIRUNNISA
ALAUH
airunnisa.alauh@
utusan.com.my



iaitu suami dan adik-beradik, mereka pergi meninggalkan saya menghadap ilahi.

Pun begitu saya sedar, saya masih lagi ada anak-anak untuk diberi makan, jadi saya kuatkan semangat. Dengan sokongan emosi yang kuat daripada dua

orang adik-beradik saya yang masih ada, dan akhirnya saya disahkan sembuh daripada kanser dan kembali ke pejabat pada 2011.

Ketika itu ada rasa takut untuk kembali bekerja, namun selepas melalui episod sedih itu, saya nekad mahu kembali dengan Fadilah yang baharu dan lebih kuat mengharungi segala ujian.

Apa kekuatan seorang wanita yang membolehkan mereka tabah menghadapi dugaan di saat genting?

Wanita sangat kuat, dari segi

fizikal golongan ini mampu menghadapinya, namun jika soal emosi wanita terlalu rapuh untuk bertahan.

Ketika saya ditawar melanjutkan pengajian ke England dalam bidang nuklear, saya rasa seolah-olah tidak mampu, tetapi kerana prinsip saya akan melakukan semua perkara dengan sebaik mungkin, menjadikan bidang itu nampak mudah.

Berbeza pula ketika merasakan saya mampu bertarung dengan penyakit kanser, namun sebaik suami dan kakak serta adik saya meninggal dunia pada tahun yang sama, saya seperti hilang arah dan semangat menjadi luntur dan mahu berputus asa.

Begitulah kekuatan dan kelemahan yang ada pada wanita asasnya.

Apa yang menentukan kegagalan atau kejayaan menghadapi dugaan adalah bagaimana mereka melawan rasa takut dan ketidakpuayaan itu.

Bagaimana Datuk melihat kemampuan dan keinginan yang kuat seorang wanita dapat membantu mereka berjaya?

Saya dibesarkan dalam persekitaran bangsa asing ketika di Singapura. Apabila kembali menetap di Malaysia ketika berusia 12 tahun, saya sukar menyerap budaya, pemikiran dan cara hidup rakyat di negara ini sehingga memberi tekanan.

Namun, disebabkan saya percaya pada kemampuan, saya berusaha sedikit demi sedikit untuk mengubah kehidupan, malah saya membawa budaya untuk melakukan sesuatu perkara pada tahap terbaik ketika saya menerajui Standards Malaysia bagi melahirkan



FADILAH BAHARIN seorang yang optimis dengan kemampuan diri.

TRIVIA FADILAH BAHARIN

kakitangan yang cemerlang sesuai dengan nama jabatan, iaitu 'ada standard'.

Ketika saya berhadapan dengan penyakit kanser pula, saya rasakan penyakit saya sembuh 80 peratus kerana keyakinan diri sendiri manakala 20 peratus lagi disebabkan ubat, jadi kita harus positif apabila berdepan dengan ujian yang diberikan.

Adakah berperwatakan berbeza atau pelik daripada orang lain menjadikan wanita kurang keyakinan?

Sejak dari kecil, ibu selalu beritahu bahawa saya ini berbeza daripada adik-beradik lain. Malah setiap hari ada sahaja soalan yang pelik ditanya. Saya juga seorang yang suka melakukan apa sahaja yang tidak ramai orang mahu lakukan kerana memberi alasan susah.

Pada saya, tiada yang sukar di dalam hidup jika kita yakin dan tahu apa yang kita lakukan. Sejak kecil lagi saya suka berfikir jauh dan merupakan atlet di sekolah kerana pada saya sukan adalah satu ruang untuk melatih diri menjadi berani.

Merupakan salah seorang saintis wanita terawal negara.

Wanita Malaysia pertama mewakili Malaysia dalam Majlis Tertinggi International Organization for Standardization (ISO Council) bagi sesi 2013 hingga 2015.

Kehilangan suami, kakak dan adik ketika beliau sedang bergelut melawan kanser payudara.

Yakin sembuh kanser payudara 80 peratus disebabkan sikap positif dan 20 peratus ubatan.



FADILAH BAHARIN merupakan antara ahli sains wanita terawal negara.